



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Halal adalah istilah yang selalu dikaitkan dengan masyarakat Islam khususnya merujuk kepada makanan atau segala perkara berkaitan pemakanan termasuk cara penyediaan bahan yang digunakan dalam pembuatan makanan.

Perkataan 'halal' secara harfiahnya bererti dibenarkan atau biasanya diterjemahkan sebagai mengikut hukum atau undang-undang yang sah.

Halal sebenarnya bukan hanya dikhususkan kepada makanan semata-mata tetapi merangkumi segala perbuatan (tindak-tanduk), perkhidmatan atau segala perkara berkaitan kehidupan seorang Muslim.

Ini termasuklah makanan, minuman, kosmetik, insurans, perbankan dan lain-lain. Halal bermakna penggunaan yang

dibenarkan syarak atau undang-undang Islam, bukannya sesuatu yang dilarang atau tidak mendapat keizinan daripada Allah SWT.

Tuhan yang mencipta manusia dan hanyalah Dia yang berhak manusia ikut dan patuhi.

Istilah 'patuh syariah' juga biasanya digunakan untuk perkhidmatan yang ada kaitan dengan insurans, pelaburan, kewangan dan perbankan juga bermakna dibenarkan oleh syarak.

Konsep halal dalam Islam mempunyai motif yang sangat spesifik iaitu:

- Untuk memelihara kesucian agama.
- Untuk melindungi mentaliti Islam.
- Untuk mengekalkan kehidupan.
- Untuk melindungi harta benda.
- Untuk melindungi generasi masa depan.
- Untuk mengekalkan rasa hormat dan integriti diri.

Halal banyak sekali merujuk dalam pemakanan. Ia menjadi



UMAT Islam wajib mengambil makanan halal yang suci dan bersih.

perkara pokok dalam kehidupan semua manusia.

Tanpa makanan, tubuh manusia akan menjadi lemah sehingga tidak dapat menjalankan aktiviti dengan lancar. Manusia diberikan panduan oleh Allah SWT untuk hanya mengambil makanan yang halal dan baik saja.

Prinsip halal dan baik perlu diberi perhatian dalam menentukan jenis makanan dimakan bukan setakat halal tetapi juga baik kerana ia akan mempengaruhi kesihatan

jasmani dan rohani.

Allah SWT berfirman dalam **Surah al-Maidah, ayat 58** bermaksud: "Dan makanlah makanan yang halal lagi baik daripada apa yang Allah SWT rezekikan kepadamu dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."

Allah SWT juga berfirman dalam beberapa ayat berikut berhubung makanan: "Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang

disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk dan diterkam binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala." (**Surah al-Maidah, ayat 3**)

"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan

syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya." (**Surah al-Maidah, ayat 90**)

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.

Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (**Surah al-Baqarah, ayat 173**)

Manusia diberikan garis panduan yang jelas untuk tidak mengambil benda yang dilarang sebagai makanan supaya manusia tetap selamat dan mendapat perlindungan daripada Allah SWT.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)